

17 NOV 2000
APEC-Analisis
SEMANGAT BARU, MOMENTUM BARU APEC DI BRUNEI

Oleh: S. Durga Varma

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 Nov (Bernama) -- Semangat baru dan momentum baru timbul hasil daripada mesyuarat dan sidang kemuncak forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Brunei yang baru berakhir.

Walaupun merupakan negara terkecil dari segi saiz di kalangan anggota Apec, Brunei dan pemerintahnya, Sultan Haji Hassanah Bolkiah, mendapat pujian walaupun pada awalnya ada pihak yang ragu-ragu dengan keupayaan mereka menjayakannya.

Sidang kemuncak di negara kesultanan itu bebas daripada insiden-insiden yang tidak diinginkan, dan tidak dipinggirkan oleh isu-isu lain seperti apa yang berlaku di Auckland tahun lepas di mana sidang kemuncaknya tertumpu kepada isu Timur Timor.

Para pemimpin ekonomi Apec boleh menganggap sidang kemuncak di sini sebagai antara yang terbaik dari segi keputusan-keputusan konkrit.

Bagi Malaysia, pencapaian terbesarnya adalah keupayaan menggesa ekonomi-ekonomi Apec lain, sama ada kecil atau besar, bahawa pusingan baru rundingan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) tidak boleh direalisasikan sehingga dan kecuali agenda yang diterima semula digubal dahulu.

Para pemimpin Asia-Pasifik seolah-olah telah membuang jauh-jauh perbezaan pendapat mereka dan bersetuju kepada permintaan Malaysia supaya diadakan agenda dahulu, di mana mereka telah bergerak satu langkah ke hadapan dengan berkata "agenda dan pusingan baru harus dimulakan pada 2001".

Mungkin ada yang mendakwa ia adalah satu kejayaan bagi Amerika Syarikat, Australia dan negara-negara maju lain yang mahukan tarikh akhir permulaan pusingan baru rundingan perdagangan walaupun Malaysia berpendirian supaya agenda ditetapkan dahulu.

Tidak ragu lagi, kini ada tarikh akhir iaitu 2001, tetapi anda tidak boleh mengadakan pusingan baru tanpa mengetahui agendanya dahulu. Washington dan Canberra, pada akhirnya, terpaksa menerima kesepakatan. Dengan itu situasi yang mendatang keuntungan semua pihak terhasil pada akhir perbincangan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mewakili Malaysia di sidang kemuncak pemimpin, berkata para anggota Apec, khususnya ekonomi-ekonomi membangun, bersetuju kepada pusingan baru pada 2001 dengan syarat satu agenda digubal dahulu.

Pujian juga harus diberikan kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz kerana usaha berterusannya dan peringatan yang sering diberikan kepada rakan-rakan sejawatannya supaya bersetuju menerima pendekatan "agenda dahulu, cakap kemudian".

Dan beberapa ekonomi Apec secara senyap-senyap menyokong pendirian Malaysia terhadap asas kesahihannya. Logik Kuala Lumpur bagi platform "agenda dahulu, cakap kemudian" adalah khusus untuk melindungi kepentingan ekonomi-ekonomi yang lebih kecil memandangkan banyak isu yang masih belum dapat diselesaikan daripada Pusingan Uruguay sebelum pembentukan WTO.

Tetapi banyak ekonomi-ekonomi ini memilih untuk tidak bertegas mengenai perkara itu dan membiarkan Malaysia yang menyuarakannya dengan lantang. Dan Malaysia melakukannya dengan cemerlang.

Apabila Rafidah yang berseri-seri air mukanya muncul dari mesyuarat peringkat menteri, beliau berkata: "Itu baik sekali. Ia membuktikan bahawa kita betul dan Apec telah mendengar pendirian Malaysia. Saya gembira mereka telah mengambil langkah ini."

Yang lebih penting, apa yang mesti dilakukan sekarang adalah bagi semua anggota WTO menggerakkan semangat politik mereka dan mengadakan keanjalan bagi memastikan mereka bersetuju dengan kandungan agenda, jika tidak pusingan baru tidak akan boleh dilancarkan.

Dr Mahathir juga memaklumkan dengan jelas bahawa mesyuarat di kalangan negara-negara maju terpilih di pinggiran mesyuarat WTO di Seattle yang dilanda rusuhan Disember lepas, tidak memberi faedah.

"Mereka membuat keputusan dan memaksa 140 anggota WTO," katanya.

Sebagai institusi yang tersusun, WTO yang berpangkalan di Geneva sepatutnya berfungsi dengan tersusun. Negara-negara membangun boleh mendapat faedah besar daripada penerangan-penerangan yang betul oleh para perwakilan mereka yang dibuat di WTO.

Ekonomi-ekonomi yang tidak begitu maju tidak sepatutnya hanya menuruti kehendak ekonomi yang besar yang sering memaksa mereka.

Satu lagi kejayaan Malaysia di sidang kemuncak Apec tahun ini adalah dalam bentuk pengiktirafan seruannya ke arah perubahan kerangka kewangan antarabangsa. Hal ini jelas diterima secara meluas di kalangan ekonomi-ekonomi Apec kali ini apabila ia disebut dalam Perenggan Sembilan Deklarasi Pemimpin.

Ini adalah kejayaan yang manis memandangkan Malaysia merupakan antara mangsa pasaran kewangan antarabangsa yang tidak mempunyai undang-undang apabila spekulator-spekulator matawang menyerang ringgit.

Malaysia merasakan adalah menjadi kepentingan setiap ekonomi di dalam Apec, khususnya yang kecil, mempunyai persekitaran kewangan yang selamat dan stabil agar dapat mereka melindungi diri mereka daripada serangan penyangak-penyangak seperti itu.

Malaysia telah membuat gesaan ini sejak ia dilanda krisis kewangan serantau pada 1997-98 yang memaksa kerajaan mengguna pakai kawalan modal yang termasuk tambatan ringgit terhadap dolar Amerika pada kadar RM3.80 bagi satu dolar. Langkah itu jelas berjaya apabila ekonominya kini telah memantul.

Satu hal yang menarik dalam mesyuarat tahun ini adalah seruan kepada forum Apec bahawa mendengar itu merupakan satu sifat yang suci. Majlis Penasihat Perniagaan Apec (ABAC), suara sektor swasta rantau ini, menegaskan bahawa adalah bijak bagi forum Apec mendengar rintihan sektor perniagaan.

Dengan suara yang lantang, ABAC menggesa forum Apec bersikap seperti sektor perniagaan, dan meminta kerajaan menghentikan retorik dan menggerakkan sebarang usaha dengan pantas.

Permintaan ini adalah sah kerana ia akan merangsang ekonomi rantau ini dan mengeratkan 21 ekonomi yang berbagai, kata ABAC.

Dalam kata lain, sektor swasta mahukan tindakan, bukan hanya peraturan, untuk mengarahkan Apec bergerak ke hadapan.

Tetapi hanya masa yang akan menentukan sama ada Apec yang kini berusia 11 tahun, akan mengurangkan cakap dan lebih banyak bertindak.

Apabila para pemimpin bertemu lagi di Shanghai tahun depan, kedua-dua pihak

-- kerajaan dan swasta -- berharap banyak inisiatif yang diumumkan di Brunei akan dilaksanakan.

Proses-proses ini mesti memberi faedah bukan sahaja kepada beberapa ekonomi atau sebahagian syarikat-syarikat multinasional atau beberapa orang. Seluruh masyarakat rantau ini harus mendapat faedah. Itulah hasil yang terbaik bagi forum Apec bagi menangkis serangan hebat para pengkritik yang mengatakan perkumpulan ini tidak lagi relevan.

-- BERNAMA

DVS MR/SHY JR MA